

**PENERANGAN INFOGRAFIK RINGKASAN KESELURUHAN
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA (LKAN) TAHUN 2021 SIRI 2
MENGENAI AKTIVITI JABATAN DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI SERTA
PENGAUDITAN PEMATUHAN JABATAN/AGENSI NEGERI MELAKA**

1. Infografik ini menunjukkan ringkasan keseluruhan bagi buku LKAN Tahun 2021 Siri 2 mengenai Aktiviti Jabatan dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Serta Pengauditan Pematuhan Jabatan/Agensi Negeri Melaka. LKAN ini melaporkan empat tajuk pengauditan, iaitu satu tajuk di bawah pengauditan prestasi mengenai aktiviti jabatan dan satu tajuk berkaitan pengurusan syarikat kerajaan negeri serta dua tajuk di bawah pengauditan pematuhan jabatan/agensi.

1.1. Pengauditan Aktiviti Jabatan - Pengurusan Tanah Adat Melaka (MCL)

- **Pejabat Tanah dan Galian Negeri Melaka, Pejabat Daerah dan Tanah Melaka Tengah dan Pejabat Daerah dan Tanah Alor Gajah**
[Jumlah Keluasan MCL Negeri Melaka : 47,834.40 Hektar (27.9% daripada keluasan tanah negeri Melaka)]

Kajian ini melaporkan aspek pencapaian output, pencapaian keberhasilan dan pengurusan aktiviti seperti berikut:

i. Pencapaian Output

- keluasan MCL meningkat sebanyak 1,976.19 hektar (4.3%) bagi tempoh 2019 hingga 2021;
- prestasi permohonan MCL menurun pada tahun 2020 dan 2021 sebanyak 120 permohonan (26.5%) dan 99 permohonan (29.7%) berbanding tahun sebelum;
- kegunaan tanah MCL tertinggi adalah kategori pertanian dengan jumlah keluasan 44,723.22 hektar (93.5%) berbanding keluasan MCL negeri Melaka; dan
- pengambilan tanah MCL adalah baik kerana dilakukan bagi tujuan awam selaras dengan Seksyen 3(1)(a) dan (b) Akta Pengambilan Tanah 1960 seperti untuk tujuan simpanan jalan dan parit.

ii. Pencapaian Keberhasilan

- prestasi kutipan cukai tanah MCL meningkat sebanyak RM6.24 juta bagi tempoh 2019 hingga 2021.

iii. Pengurusan Aktiviti

Penemuan utama Audit bagi aspek pengurusan aktiviti adalah seperti berikut:

- prestasi bilangan permohonan MCL yang diselesaikan bagi Pejabat Daerah dan Tanah Melaka Tengah (PDTMT) dan Pejabat Daerah dan Tanah Alor Gajah (PDTAG) untuk tempoh tahun 2019 hingga 2021 masing-masing sebanyak 93.1% dan 86.4%;
- tunggakan cukai tanah MCL PDTMT dan PDTAG sehingga tahun 2021 berjumlah RM0.98 juta;
- satu hak milik MCL telah tercicir dari senarai permohonan pengambilan tanah bagi tujuan pembangunan Pekan Pulau Sebang dan masih belum selesai sejak tahun 2009 walaupun pembangunan telah siap;
- pemilikan bagi tiga syarikat MCL adalah terdiri daripada bukan Melayu; dan
- sebanyak 136 (38.1%) daripada 357 Sijil Carian Rasmi dan Pelan Tanah tidak memaparkan maklumat yang lengkap dan tepat.

1.2. Pengauditan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Melaka

- Melaka Sentral Sdn. Bhd. (MSSB) [Modal Berbayar: RM5.75 juta]

Kajian ini melaporkan aspek pencapaian output, pencapaian keberhasilan, pengurusan aktiviti, kewangan dan tadbir urus korporat seperti berikut:

i. Pencapaian Output

- pencapaian output bagi penyewaan lot perniagaan adalah kurang memuaskan kerana pencapaian lot bersewa hanya 56.8% sahaja; dan
- pencapaian sebenar hasil sewaan lot perniagaan adalah antara 55.3% hingga 68.6% setahun bagi tahun 2019 hingga 2021.

ii. Pencapaian Keberhasilan

- pendapatan daripada penyewaan lot perniagaan telah menyumbang sejumlah RM15.72 juta (71%) kepada keseluruhan pendapatan operasi MSSB; dan
- MSSB hanya menyumbang dividen sejumlah RM30,000 (20.7%) sahaja berbanding sasaran RM145,000.

iii. Pengurusan Aktiviti

Penemuan utama Audit bagi aspek pengurusan aktiviti adalah seperti berikut:

- pengurusan penyewaan yang tidak cekap khususnya pada penyediaan surat tawaran dan perjanjian penyewaan;
- ketiadaan pemantauan terhadap kehadiran pengawal keselamatan;
- penyelenggaraan bangunan MSSB tidak teratur;
- pengurusan bil cukai taksiran harta dan tanah yang kurang cekap;
- pemasaran tidak strategik dan kurang berkesan; dan
- masalah mendapan tanah bangunan Melaka Sentral.

iv. Kewangan

- kedudukan kewangan kurang stabil kerana MSSB mencatatkan kerugian terkumpul RM15.72 juta bagi tahun 2021;
- kutipan tidak dibankkan berjumlah RM743,584; dan
- tandatangan pada baucar bayaran diragui.

v. Tadbir Urus Korporat

- Tadbir urus korporat kurang memuaskan kerana enam daripada lapan amalan terbaik tadbir urus korporat tidak diamalkan sepenuhnya.

1.3. Pengauditan Pematuhan

a. Bayaran Terhadap Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM)

i. Rumusan bagi perkara utama yang dilaporkan adalah seperti berikut:

- pengawal keselamatan tidak membuat rondaan *clocking* dengan teratur serta kelengkapan dan peralatan rondaan tidak mencukupi; dan
- pembayaran terhadap perkhidmatan kawalan keselamatan tidak diuruskan dengan teratur menyebabkan denda berjumlah RM51,308 tidak dikenakan.

**b. Perbelanjaan Menggunakan Agihan Wang Zakat Asnaf Fisabilillah
Majlis Agama Islam Melaka (MAIM)**

- i. Rumusan bagi perkara utama yang dilaporkan adalah seperti berikut:
 - perbezaan jumlah tuntutan perolehan bangunan Wisma Melaka Mesir oleh Kerajaan Negeri berjumlah RM0.80 juta menyebabkan wang zakat tidak dapat dimanfaatkan untuk tujuan sepatutnya; dan
 - terdapat perbelanjaan yang tidak mengikut maksud asnaf fisabilillah berjumlah RM6,150.
2. Keseluruhan syor Audit yang diberikan oleh Ketua Audit Negara ialah 11 syor, iaitu tiga kepada Pejabat Tanah dan Galian Negeri Melaka, Pejabat Daerah dan Tanah Melaka Tengah dan Pejabat Daerah dan Tanah Alor Gajah; tiga kepada MSSB, tiga kepada JAIM dan dua kepada MAIM.